



KOLEJ ISLAM **AS SOFA**

كُلِّيَّةُ الصِّفَا الْإِسْلَامِيَّةِ بِمَالِيزِيَا

PANDUAN PERATURAN KOLEJ ISLAM AS-SOFA

ISI KANDUNGAN

NO	PERKARA	MUKA SURAT
1.	ISI KANDUNGAN	2
2.	PENGENALAN	3
3.	FALSAFAH KOLEJ ISLAM AS-SOFA : MISI VISI OBJEKTIF	3
4.	TATATERTIB AM	4
5.	TATATERTIB ASRAMA	20
6.	TATATERTIB LALU LINTAS JALAN	23
7.	TATACARA TERTIB	25
8.	JENIS KESALAHAN DAN DENDA	29

KOLEJ ISLAM AS-SOFA

MISI

Kesepaduan antara Ilmu, Mahabbah, dan Taqwa berasaskan al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi dasar ke arah melahirkan insan yang berintergeriti dan berketrampilan, yang akan menyumbang kepada kesejahteraan diri, masyarakat dan negara

VISI

Wawasan Kolej Islam As-sofa ialah untuk menjadi pusat penjana generasi berkualiti serta pusat kajian dan kecemerlangan berasaskan Islam.

OBJEKTIF

1. Melahirkan generasi ilmuan dan profesional yang menguasai ilmu-ilmu agama, sains dan kemahiran.
2. Membina insan yang memiliki kekuatan keilmuan, keimanan, mental dan fizikal berlandaskan prinsip-prinsip Islam yang dapat menangani cabaran semasa dan peka dengan realiti setempat.
3. Menyediakan peluang pengajian kepada pelajar dengan memberi penekanan kepada metodologi pengajian gabungan tradisi dan moden yang berasaskan Islam.
4. Menjadikan Kolej Islam As-Sofa sebagai pusat sehenti (one-stop center) dalam bidang pengajian dan penyelidikan Islam pada pelbagai peringkat termasuklah tahap pengajian siswazah dan pendidikan dewasa.

1.0 TATATERTIB AM

1.1 Larangan Am

Seseorang pelajar tidak dibenarkan:

- 1.1.1 Menjalankan urusannya, sama ada di dalam Kolej atau di luar Kolej, dalam apa-apa cara yang merosakkan atau memudaratkan;
- 1.1.2 Memburukkan nama baik Kolej mahupun pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Kolej;
- 1.1.3 Mencabuli apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam Kolej atau di luar Kolej;
- 1.1.4 Mengganggu atau dalam apa-apa cara campur tangan, atau menyebabkan supaya diganggu apa-apa kegiatan yang dijalankan oleh atau di bawah arahan atau dengan kebenaran Kolej;
- 1.1.5 Melarang, menghalang atau mengganggu, atau menyebabkan supaya dilarang, dihalang atau diganggu, mana-mana pegawai atau pekerja Kolej atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan atau kebenaran pegawai atau pekerja itu, daripada menjalankan kerja, kewajipan atau tugasnya;

- 1.1.6 Melarang atau menghalang, atau menyebabkan supaya dilarang atau dihalang, mana-mana pelajar daripada menghadiri mana-mana kuliah, tutorial atau kelas, atau daripada mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang sah;
- 1.1.7 Menganjur, menghasut atau menyertai pemuluan apa-apa peperiksaan, kuliah, tutorial, kelas atau kegiatan sah lain yang dijalankan oleh atau di bawah arahan, atau dengan kebenaran Kolej;
- 1.1.8 Merosak, mengubah, mengganggu, mengalih atau dalam apa-apa cara berurusan dengan apa-apa bahan, objek, artikel atau harta dalam Kolej;
- 1.1.9 Melakukan apa-apa perbuatan atau menyebabkan apa-apa perbuatan dilakukan di dalam Kolej, supaya menyebabkan atau mungkin menyebabkan apa-apa halangan, kesulitan, kekusaran, kerugian atau kerosakan kepada mana-mana orang di dalam Kolej;
- 1.1.10 Melanggar apa-apa arahan, peraturan atau kehendak Pustakawan Kolej, Anggota Kakitangan Perpustakaan atau pekerja perpustakaan lain berkenaan dengan penggunaan perpustakaan, buku-buku dalam perpustakaan dan kemudahan-kemudahan lain dalam perpustakaan;
- 1.1.11 Melanggar apa-apa arahan atau kehendak seseorang yang diberi kuasa berkenaan dengan penggunaan mana-mana makmal, peralatan makmal, perkakas atau bahan dan kemudahan lain dalam makmal.

1.2 Menghadiri kuliah :

- 1.2.1 Jika seseorang pelajar dikehendaki hadir mana-mana kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain berhubung dengan kursus pengajiannya, dia tidak boleh tidak hadir kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajiannya itu tanpa kebenaran terdahulu Pengarah Kolej atau Dekan Fakulti/Pengurus Program, Ketua Pusat, Akademi atau Institut, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 1.2.2 Jika tidak mendapat kebenaran terlebih dahulu, pelajar hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas itu, memuaskan hati pensyarah bagi kelas tersebut, berkenaan dengan ketidakhadirannya itu.

1.3 Sekatan Ke Atas Penggunaan Teks Kuliah :

- 1.3.1- Tertakluk kepada subkaedah (2), seseorang pelajar tidak boleh menggunakan teks mana-mana kuliah atau pengajaran yang disampaikan kepadanya di Kolej kecuali bagi maksud mengikuti kursus pengajiannya; terutamanya, dia tidak boleh membuat salinan dalam apa-apa cara tentang kesemua atau mana-mana bahagian teks itu bagi maksud penerbitan, pembahagian atau pengedaran, sama ada untuk bayaran atau tidak.
- 1.3.2 Segala kebenaran adalah tertakluk kepada budibicara Ketua Pegawai Eksekutif untuk mengeluarkan garis panduan bagi membenarkan seseorang pelajar atau sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, membuat salinan teks mana-mana kuliah atau pengajaran .

1.4 Larangan Terhadap Plagiarisme :

1.4.1 Seseorang tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain.

1.4.2 Bagi maksud kaedah ini, plagiarisme termasuklah:

- a. perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mendakwa bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu adalah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau
- b. suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dalam apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang adalah sebenarnya diambil daripada beberapa sumber lain.

1.4.3 Tanpa menjejaskan keluasan makna subkaedah (2), seseorang pelajar memplagiat apabila dia:

- a. menerbitkan, dengan dirinya sebagai pengarang, sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang adalah keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh beberapa orang lain;
- b. menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku, apabila dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik atau buku;
- c. memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai penyelidik bersama bagi penerbitan apabila dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya sebagai penyelidik bersama atau pengarang bersama;

- d. memetik data akademik yang adalah hasil penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan, atau data yang diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan, sama ada diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data tersebut sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademiknya tanpa memberi pengiktirafan sewajarnya kepada sumber asal;
- e. menggunakan data penyelidikan yang diperolehi melalui kerja usaha sama dengan beberapa orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu anggota kakitangan atau pelajar Kolej sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademik yang berbeza yang lain, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikan peribadinya atau sebelum menerbitkan data;
- f. menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, bercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu;
- g. menterjemahkan tulisan atau ciptaan orang lain daripada satu bahasa kepada bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian dan kemudian mengemukakan terjemahan itu dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai penulisannya atau ciptaannya sendiri; atau
- h. memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat beberapa ubahsuaian tanpa rujukan sewajarnya kepada sumber asal dan menyusunnya semula dalam apa-apa cara yang seolah-olah dia ialah pencipta idea-idea itu.

1.5 Kehadiran Dalam Peperiksaan :

- 1.5.1 Jika kursus pengajian seseorang pelajar memerlukan dia hadir bagi sesuatu peperiksaan dan dia tidak selainnya dihalang daripada peperiksaan itu, dia tidak boleh tidak hadir tanpa kebenaran terdahulu Pengarah Kolej atau Dekan Fakulti, atau Pengurus Program atau Ketua Pusat, Akademik atau Institut, mengikut mana-mana yang berkenaan.
- 1.5.2 Jika hal berkenaan tidak membenarkan kebenaran terdahulu diperoleh, pelajar hendaklah memuaskan hati Pengarah, Dekan atau Pengurus Program atau Ketua, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan ketidakhadirannya dan memperoleh kelulusan berkenaan dengan ketidakhadirannya itu.

1.6 Kelakuan Semasa Peperiksaan :

Pelajar adalah dilarang :

- 1.6.1 Membawa apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang diberi kuasa oleh pemeriksa, ke dalam sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan, apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang telah disyorkan oleh pemeriksa atau Lembaga Pemeriksa, dan diberi kuasa oleh Ketua Pegawai Eksekutif;

- 1.6.2 Menulis atau telah menulis melalui orang lain, apa-apa maklumat atau gambarajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya;
- 1.6.3 Berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan melalui apa-apa jua cara; atau
- 1.6.4 Menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau cuba untuk menipu dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

1.7 Menganjurkan Perhimpunan :

- 1.7.1 Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh, tanpa kebenaran terdahulu Ketua Pegawai Eksekutif, mengadakan, menganjurkan, atau memanggil, atau menyebabkan supaya diadakan, dianjurkan, atau dipanggil untuk mengadakan apa-apa perhimpunan yang lebih dari lima (5) orang dalam mana-mana bahagian Kolej atau atas mana-mana tanah atau dalam mana-mana bangunan yang dipunyai oleh atau di bawah milikan atau kawalan Kolej atau yang digunakan bagi maksud Kolej.

Dalam apa-apa cara terlibat dalam melakukan apa-apa perbuatan untuk mengadakan, menganjurkan, atau memanggil, apa-apa perhimpunan yang lebih dari lima (5) orang dalam mana-mana bahagian Kolej atau atas mana-mana tanah atau dalam mana-mana bangunan yang dipunyai oleh atau di bawah milikan atau kawalan Kolej atau yang digunakan bagi maksud Kolej.

- 1.7.2 Dalam memberi kebenaran yang tersebut dalam subkaedah (1), Ketua Pegawai Eksekutif boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang disifatkannya perlu atau sesuai.
- 1.7.3 Tiada pelajar boleh menghadiri atau menyertai sesuatu perhimpunan yang diadakan yang berlanggaran dengan subkaedah (1) dan (2).

1.8 Pembesar Suara :

- 1.8.1 Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh memiliki, atau menggunakan, atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalan pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, bagi maksud ucapan awam, apa-apa pembesar suara, penguat suara atau alat-alat serupa lain tanpa kelulusan terdahulu Ketua Pegawai Eksekutif.
- 1.8.2 Dalam memberikan kelulusan dalam subkaedah (1). Ketua Pegawai Eksekutif boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang dia sifatkan perlu atau sesuai.

1.9 Sepanduk :

Tiada pelajar, pertubuhan, bahan atau kumpulan pelajar boleh:

- 1.9.1 Membuat atau menyebabkan supaya dibuat atau melakukan apa-apa perbuatan untuk membuat atau menyebabkan supaya dibuat;
- 1.9.2 Mengibar, mempamer, menunjukkan atau dalam apa-apa cara menggunakan, atau menyebabkan supaya dikibar, dipamer, ditunjukkan atau dalam apa-apa cara menggunakan;
- 1.9.3 Memiliki atau mempunyai dalam milikan, jagaan atau kawalan pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar;
- 1.9.4 Apa-apa bendera, sepanduk, pelekat, poster, lambang atau alat lain yang membawa kepada keadaan tidak berdisiplin, kekacauan, keingkaran atau pelanggaran kaedah-kaedah ini.

1.10 Penerbitan dsb., Dokumen :

- 1.10.1 Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, tanpa kebenaran terdahulu Ketua Pegawai Eksekutif, boleh menerbitkan, membahagi-bahagikan atau mengedarkan apa-apa dokumen di dalam Kolej atau di luar Kolej.
- 1.10.2 Dalam memberikan kebenaran di bawah subkaedah (1), Ketua pegawai Eksekutif boleh mengenakan apa-apa sekatan, terma atau syarat yang difikirkan perlu atau sesuai.
- 1.10.3 Kebenaran yang dikehendaki di bawah kaedah ini hendaklah sebagai tambahan bagi apa-apa lesen, permit atau apa-apa bentuk lain pemberikuasaan yang secara langsung di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

1.11 Kegiatan Pelajar Di Luar Kolej :

Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menganjurkan, menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan di luar Kolej yang mendatangkan kesan buruk secara langsung kepada Kolej atau yang memudaratkan kepentingan Kolej.

Ketua Pegawai Eksekutif boleh mengeluarkan garis panduan berkenaan dengan kegiatan yang memudaratkan kepentingan Kolej.

1.12 Pelajar Yang Melibatkan Diri Dalam Pekerjaan Dan Sebagainya :

Tiada pelajar boleh, di dalam Kolej atau di luar Kolej, melibatkan diri dalam apa-apa pekerjaan, pengajian, perniagaan, perdagangan atau kegiatan lain, sama ada atas dasar sepenuh masa atau sambilan, yang pada pendapat Ketua Pegawai Eksekutif tidak diingini.

1.13 Representasi Berhubungan Dengan Kolej :

Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh tanpa kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif terlebih dahulu, membuat apa-apa representasi atau apa-apa perhubungan lain, sama ada secara lisan atau bertulis atau dalam apa-apa cara lain, kepada mana-mana pegawai awam atau kepada akhbar atau kepada orang ramai dengan cara kuliah, ucapan atau pernyataan awam atau dalam apa-apa cara penyiaran melalui bunyi atau gambar yang berhubungan dengan sesuatu perkara berkaitan dengan Kolej atau dengan kakitangan atau pelajar Kolej atau sifat mereka sebagai kakitangan atau pelajar Kolej atau berkaitan dengan dirinya atas sifatnya sebagai seorang pelajar Kolej.

1.14 Bantahan Pelajar Terhadap Kemasukan Orang Ke Dalam Kolej :

Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh membuat apa-apa bantahan sama ada secara lisan atau bertulis dalam apa-apa cara lain, terhadap kemasukan ke dalam atau kehadiran dalam, atau larangan atau pemecatan mana-mana orang, badan atau kumpulan orang dari Kolej.

1.15 Judi Di Dalam Kolej :

Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menganjurkan, mengurus, menjalankan atau membantu dalam penganjuran, pengurusan atau perjalanan, atau mengambil bahagian dalam, apa-apa perjudian, loteri atau pertaruhan di dalam Kolej.

1.16 Meminum Minuman Keras Dan Berkelakuan Tidak Senonoh :

- 1.16.1 Tiada pelajar boleh, di dalam Kolej, meminum atau mempunyai di dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa minuman keras.
- 1.16.2 Mana-mana pelajar yang didapati berada dalam keadaan mabuk atau yang berkelakuan tidak senonoh di bawah pengaruh minuman keras, di dalam Kolej adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

1.17 Artikel Lucah :

- 1.17.1 Tiada pelajar boleh, di dalam Kolej mempunyai, dalam milikannya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa artikel lucah.
- 1.17.2 Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh membahagi-bahagikan, mengedarkan atau mempamerkan, atau menyebabkan supaya dibahagi-bahagikan, diedarkan atau dipamerkan atau dalam apa-apa cara mengambil bahagian dalam pembahagian, pengedaran atau pempameran, apa-apa artikel lucah di dalam Kolej.
- 1.17.3 Seseorang pelajar hendaklah disifatkan sebagai membahagi-bahagikan, mengedarkan atau mempamerkan sesuatu artikel lucah, tidak kira sama ada pembahagian, pengedaran atau pameran itu kepada satu orang sahaja atau kepada lebih daripada satu orang dan tidak kira sama ada atau tidak pembahagian, pengedaran atau pameran itu adalah bagi bayaran atau bagi apa-apa balasan lain.

1.18 Dadah Dan Racun :

- 1.18.1 Tiada pelajar boleh mempunyai dalam miliknya atau di bawah jagaan atau kawalannya apa-apa dadah atau racun.
- 1.18.2 Tiada pelajar boleh memberikan, mengadakan atau menawarkan atau bercadang untuk memberikan, membekalkan, mengadakan atau menawarkan apa-apa dadah atau racun kepada mana-mana orang.
- 1.18.3 Tiada pelajar boleh makan melalui mulut atau menghisap atau menyedut, atau memasukkan ke dalam badannya dengan suntikan atau dalam apa-apa jua cara lain, apa-apa dadah atau racun.
- 1.18.4 Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan sebagai melarang seseorang pelajar daripada menjalani apa-apa rawatan oleh atau di bawah preskripsi pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [Akta 50].
- 1.18.5 Mana-mana pelajar yang didapati di bawah pengaruh mana-mana dadah atau racun adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.
- 1.18.6 Ketua Pegawai Eksekutif boleh menghendaki seorang pelajar yang disyaki menagih dadah menjalani ujian air kencing.

Jika seseorang pelajar enggan menyerah dirinya untuk menjalani ujian yang tersebut dalam subkaedah (6), dia dianggap melakukan suatu kesalahan tatatertib.

1.19 Kebersihan Di Dalam Kolej :

Seseorang pelajar tidak boleh melakukan apa-apa yang boleh menjejaskan kebersihan dan kekemasan tempat tinggal seseorang pelajar di dalam Kolej, atau mana-mana asrama, dewan kuliah, jalan, kawasan atau mana-mana bahagian Kolej lain, atau mana-mana bangunan atau binaan lain di dalam Kolej.

1.20 Membuat Bising :

Seseorang pelajar tidak boleh membuat apa-apa bunyi atau bising, atau menyebabkan apa-apa bunyi atau bising dikeluarkan, dalam apa-apa cara jika bunyi bising itu menyebabkan atau mungkin menyebabkan kemarahan atau gangguan kepada mana-mana orang di Kolej.

1.21 Pemeriksaan Ke Atas Pelajar Yang Disyaki Mempunyai Gangguan Mental :

Ketua Pegawai Eksekutif boleh menghendaki seseorang pelajar yang disyaki mempunyai gangguan mental menjalani pemeriksaan perubatan oleh pengamal perubatan yang berkeelayakan.

1.22 Tempat Tinggal Atau Tempat Tidur Di Dalam Kolej :

Tiada pelajar boleh menggunakan atau menyebabkan supaya digunakan mana-mana bahagian Kolej atau mana-mana bahagian bangunan di dalam Kolej sebagai tempat tinggal atau tempat tidur, kecuali tempat tinggal yang disediakan untuknya di dalam asrama oleh Kolej.

1.23 Memasuki Bahagian Atau Bangunan Kolej Yang Dilarang :

Seseorang pelajar tidak boleh masuk ke dalam mana-mana bahagian Kolej atau mana-mana bahagian mana-mana bangunan di dalam Kolej, yang kemasukan ke dalamnya dilarang kepada pelajar amnya atau, terutamanya, kepada pelajar atau sesuatu kelas pelajar.

1.24 Pakaian Pelajar :

Ketua Pegawai Eksekutif boleh mengeluarkan apa-apa arahan, secara bertulis, yang difikirkannya perlu yang berhubungan dengan cara berpakaian pelajar di dalam Kolej.

Berikut adalah etika pemakaian bagi siswa dan siswi:

1.24.1 Pakaian Dan Rupa Diri **Siswa**:

1- Baju:-

- a. Baju kemeja berleungan panjang atau pendek
- b. Sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (*tucked-in*).
- c. Mestilah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.
- d. Pemakaian baju Melayu (baju Kebangsaan) hendaklah lengkap sepasang beserta kain sampin dan bersongkok hitam.
- e. Kemeja-T berkolar yang tiada tulisan atau gambar yang membawa maksud yang negatif kepada masyarakat.

2- Seluar:-

- a. Seluar *slack* panjang dan berwarna gelap.
- b. Seluar *denim/jeans* dilarang, kecuali semasa aktiviti luar.

3- Kasut:-

- a. Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat, berwarna hitam dan sempurna berstokin.
- b. Selipar, sandal, terompah, capal dan sebagainya adalah dilarang semasa menghadiri kuliah dan/atau bengkel.
- c. Kasut yang berladam logam dan berbunyi bising adalah dilarang.

4- Rambut:-

- a. Rambut sentiasa pendek dan kemas. Aras belakang
- b. tidak melebihi bahu dan aras depan tidak menutup dahi.
- c. Rambut berfesyen *afro*, *punk*, berekor dan diwarnakan adalah dilarang.

1.24.2 Pakaian Dan Rupa Diri **Siswi**:

1- Baju kurung dan Jubah :-

- a. Longgar
- b. Tidak jarang
- c. Labuh (*bagi jubah seluar*)

2- T-shirt :-

- a. Labuh baju t-shirt sekurang-kurangnya melebihi paras punggung.
- b. Hendaklah berlengan panjang samapi ke pergelangan tangan.

3- Seluar :-

- a. Seluar slack panjang
- b. Tidak ketat
- c. Seluar **denim/jeans** adalah **dilarang**

4- Tudung :-

- a. Hendaklah tidak jarang (*tidak menampakkan leher*).
- b. Hendaklah dipakai melebihi paras dada (*tidak dibenarkan selempang bagi tudung berukuran bidang 45'*)
- c. Selendang / shawl adalah **dilarang** sama sekali.

5- Kasut:-

- a. Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat. Kasut sukan hanya dibenarkan semasa aktiviti sukan sahaja.
- b. Selipar, sandal, terompah, capal dan sebagainya adalah dilarang semasa menghadiri kuliah dan/ atau bengkel.
- c. Kasut yang berladam logam dan berbunyi bising adalah dilarang.
- d. Pemakaian sarung kaki adalah **WAJIB**.

Para pelajar hendaklah mengikut etika pemakaian yang telah ditetapkan seperti jadual di bawah :-

HARI	LELAKI	PEREMPUAN
Isnin	Kemeja lengan panjang dan bertali leher	Pakaian yang sopan dan menutup aurat
Selasa	Kemeja lengkap	Pakaian yang sopan dan menutup aurat
Rabu	Pakaian rasmi (baju korporat)	Pakaian rasmi (jubah)
Khamis	Kemeja lengkap	Pakaian yang sopan dan menutup aurat
Jumaat	Baju melayu lengkap (bersampin dan bersongkok)	Baju kebangsaan (baju kurung)

1.25 Keingkaran :

Jika seseorang pelajar melanggar apa-apa arahan atau kehendak yang sah yang diberikan atau dibuat oleh mana-mana pegawai atau pekerja Kolej yang diberi kuasa untuk memberi atau membuat arahan atau kehendak di dalam Kolej, pelajar itu adalah melakukan suatu kesalahan tatatertib.

2.0 TATATERTIB ASRAMA

2.1 Memasuki Atau Berada Di Dalam Bilik Pelajar Menetap :

2.1.1 Tiada seorang pun boleh memasuki sesuatu bilik di dalam asrama yang diduduki oleh seseorang pelajar menetap kecuali pelajar menetap itu sendiri.

2.1.2 Subkaedah (1) tidak terpakai:

- a. bagi seseorang orang yang diberi kuasa yang memasuki bilik itu bagi maksud menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya;
- b. bagi seseorang yang memasuki bilik itu mengikut apa-apa kebenaran yang diberi oleh, atau bagi pihak, Pengarah Kolej dan
- c. bagi pelajar menetap daripada jantina yang sama yang memasuki bilik itu untuk melawat bagi maksud sosial biasa.

Maka hendaklah menjadi kewajipan seseorang pelajar menetap untuk memastikan bahawa sekatan dalam kaedah ini betul-betul dipenuhi.

2.2 Menghalang dsb., Pegawai-Pegawai dsb., Daripada Masuk Dan Menjalankan Tugas :

Seseorang pelajar menetap tidak boleh melakukan apa-apa untuk menghalang atau melarang seseorang orang yang diberi kuasa daripada memasuki bilik pelajar menetap itu dan menjalankan tugas, kewajipan atau tanggungjawabnya di dalam bilik itu.

Kebeharuan Berada Di Luar Asrama Pada Waktu Malam :

Seseorang pelajar menetap tidak boleh berada di luar asrama melebihi jam 12 tengah malam kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh bagi pihak Pengarah Kolej.

2.3 Kebenaran Berada Di Dalam Premis Asrama Selepas Tengah Malam :

Tiada pelajar lain kecuali pelajar-pelajar menetap di dalam asrama mereka masing-masing boleh berada di dalam premis asrama kecuali dengan kebenaran yang diberi oleh atau bagi pihak Pengarah Kolej.

2.4 Menggunakan Premis Asrama Dengan Cermat Dan Larangan Kacau Ganggu :

2.4.1 Seseorang pelajar hendaklah menggunakan premis asrama dengan cermat yang sewajarnya dan tidak boleh melakukan sesuatu yang boleh mencacatkan, mengotorkan atau menyebabkan apa-apa kerosakan lain pada mana-mana bahagian kawasan atau bangunan atau pada apa-apa benda di dalamnya.

2.4.2 Seseorang pelajar hendaklah, dalam menggunakan premis asrama dan kemudahan-kemudahan di dalamnya, mengambil langkah berhati-hati bagi memastikan bahawa dia tidak menyebabkan apa-apa kesulitan, kekusaran, halangan atau kacau ganggu kepada mana-mana orang lain.

2.5 Bertukar Bilik Tanpa Kebenaran Terdahulu :

Jika seseorang diperuntukkan sebuah bilik di asrama untuk tinggal oleh Kolej dia tidak boleh bertukar ke mana-mana bilik lain tanpa mendapat kebenaran terdahulu secara bertulis yang diberi oleh pihak Kolej.

2.6 Berpindah Tempat Tinggal :

2.6.1 Seseorang pelajar menetap tinggal di asrama mengikut budi bicara dan kehendak mutlak Kolej.

2.6.2 Kolej boleh menghendaki seseorang pelajar menetap mengosongkan biliknya di asrama atau memindahkannya ke tempat tinggal lain yang disediakan oleh Kolej pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa alasan.

2.6.3 Seseorang pelajar menetap dikehendaki mengosongkan biliknya di asrama atau ditukarkan di bawah subkaedah (2), dia hendaklah dalam tempoh yang ditetapkan oleh Kolej mengeluarkan semua barang kepunyaannya dari bilik yang dia dikehendaki mengosongkannya.

2.7 Peranan Pengarah Kolej Untuk Memberi Perintah dsb., Berkenaan Dengan Ketenteraman Dan Tatatertib :

2.7.1 Pengarah Kolej atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Ketua Pegawai Eksekutif boleh, dari semasa ke semasa, memberi secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang difikirkannya perlu atau sesuai untuk memelihara ketenteraman dan tatatertib di dalam asrama.

2.7.2 Perintah, arahan atau petunjuk itu boleh secara amnya terpakai bagi semua pelajar atau sesuatu kelas atau perihal pelajar atau seseorang pelajar tertentu, dan hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap pelajar yang kepadanya perintah, arahan atau petunjuk itu terpakai untuk mematuhi dan melaksanakan perintah, arahan atau petunjuk itu.

2.7.3 Pihak berkuasa tatatertib boleh pada budi bicarannya, sebagai ganti mengambil prosiding tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus dengan denda tidak melebihi lima puluh ringgit (RM50.00) ke atas mana-mana pelajar yang melanggar mana-mana perintah, arahan atau petunjuk.

3.0 TATATERTIB LALULINTAS JALAN

3.1 Kebenaran Bertulis Bagi Pelajar Yang Menyimpan, Memiliki Atau Mempunyai Kenderaan Motor Di Dalam Kolej :

3.1.1 Seseorang pelajar yang bercadang untuk menyimpan, mempunyai dalam miliknya atau mempunyai apa-apa kenderaan motor di dalam Kolej hendaklah, memohon dan memperolehi daripada Pejabat Pendaftar suatu kebenaran bertulis berkenaan dengan kenderaan motor itu; permohonan dan kebenaran bertulis itu hendaklah dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, tertaluk kepada subkaedah (2).

3.1.2 Permohonan bagi kebenaran itu hendaklah dibuat oleh pelajar dengan mengisi borang kebenaran kenderaan dengan menyatakan perihal kenderaan motor itu dan hendaklah disertai dengan lesen memandu yang sah dan polisi insurans pemohon itu.

Pejabat Pendaftar boleh enggan memberi kebenaran atau membatalkan apa-apa kebenaran yang diberikan jika dia tidak berpuas hati atas kebenaran yang diberikan bukan untuk kepentingan Kolej.

3.2 Meletak Kereta Secara Menghalang :

Tiada pelajar boleh meletak apa-apa kenderaan di mana-mana tempat atau dalam apa-apa cara yang menyebabkan bahaya, halangan atau kesulitan kepada mana-mana orang atau kenderaan motor lain.

3.3 Menggunakan Ruang Letak Kereta Yang Diperuntukkan :

Jika suatu ruang letak kereta telah diperuntukkan bagi kenderaan motor tertentu, tiada pelajar boleh meletak kenderaan motor lain dalam ruang letak kereta itu.

3.4 Hukuman Tatatertib Terus :

3.4.1 Pihak berkuasa tatatertib boleh pada budi bicaranya, sebagai ganti mengambil prosiding tatatertib di bawah Bahagian V, mengenakan hukuman tatatertib terus dengan amaran atau denda tidak melebihi lima puluh ringgit (RM50.00) ke atas mana-mana pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Bahagian ini dengan kehadiran atau pendapat pihak berkuasa tatatertib:

3.4.2 Dengan syarat bahawa sebelum apa-apa hukuman dikenakan ke atas pelajar, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahunya tentang kesalahan tatatertib yang dilakukan olehnya dan memberinya suatu peluang untuk membuat, dengan serta-merta, representasi lisan berkenaan dengan kesalahan itu.

4.0 TATACARA TATATERTIB

4.1 Hukuman Tatatertib :

Seseorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-kaedah ini dan didapati bersalah atas kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai yang berikut:

- 1- amaran;
- 2- denda tidak melebihi dua ratus ringgit (RM200.00);
- 3- gantung pengajian/ dihalang daripada mengambil peperiksaan;
- 4- dilucut jawatan apa-apa badan yang disandang;
- 5- diberhentikan dari pengajian;
- 6- tuntutan undang-undang sivil terhadap pelajar.

4.2 Kehadiran Di Hadapan Pihak Berkuasa Tatatertib :

Jika pada pendapat pihak berkuasa tatatertib bahawa seseorang pelajar yang telah melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-kaedah ini, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memberitahu pelajar tentang kesalahan tatatertib yang didakwa itu dan menghendaki pelajar itu hadir di hadapannya di suatu bilik tatatertib pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tatatertib.

4.3 Penjelasan Fakta Dan Pengambilan Rayuan :

Dalam prosiding tatatertib, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menjelaskan kepada pelajar tentang fakta kesalahan tatatertib yang didakwa telah dilakukan oleh pelajar dan meminta pelajar membuat pengakuan atas kesalahan itu.

4.4 Pengakuan Bersalah Dan Tatacara Berikutnya :

Jika pelajar mengaku salah, pihak berkuasa tatatertib hendaklah menerangkan kepadanya tentang fakta kes.

Jika pelajar mengaku tentang fakta ini dan pihak berkuasa tatatertib berpuashati bahawa suatu kesalahan pada hakikatnya telah dilakukan daripada fakta tersebut, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengumumkan dia bersalah atas kesalahan tatatertib dan memintanya untuk mengemukakan apa-apa rayuan untuk meringankan hukuman.

4.5 Tatatertib Apabila Pelajar Mengaku Tidak Bersalah :

Jika pelajar mengaku bahawa dia tidak bersalah atas kesalahan tatatertib atau gagal atau enggan membuat pengakuan atau tidak mengaku akan fakta kes, pihak berkuasa tatatertib hendaklah memeriksa mana-mana saksi atau apa-apa dokumen atau artikel lain bagi menyokong kes terhadap pelajar; pelajar hendaklah diminta menyoal saksi dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel dan pihak berkuasa tatatertib boleh memeriksa semula saksi.

4.6 Keterangan Pelajar :

Selepas keterangan yang tersebut dalam kaedah (43) diterima, dan pihak berkuasa tatatertib mendapati bahawa ada suatu kes untuk dijawab, pelajar hendaklah diminta memberi keterangannya, memanggil mana-mana saksi atau mengemukakan apa-apa dokumen atau apa-apa artikel lain bagi pembelaannya; pihak berkuasa tatatertib boleh menyoal pelajar atau mana-mana daripada saksi pelajar dan memeriksa apa-apa dokumen atau artikel, dan pelajar boleh memeriksa semula mana-mana daripada saksinya itu.

4.7 Memanggil Semula Saksi :

Pihak berkuasa tatatertib boleh menyoal atau memanggil semula mana-mana saksi pada bila-bila masa sebelum pihak berkuasa itu mengumumkan keputusannya.

4.8 Pengumuman Keputusan :

Selepas mendengar keterangan saksi-saksi dan memeriksa dokumen atau artikel lain yang dikemukakan di hadapannya, pihak berkuasa tatatertib hendaklah mengumumkan keputusannya dalam kes itu, dan jika pihak berkuasa itu memutuskan bahawa pelajar adalah bersalah atas kesalahan tatatertib, pihak berkuasa itu hendaklah meminta pelajar membuat apa-apa rayuan untuk meringankan hukumannya.

4.9 Nota Bertulis Mengenai Prosiding Tatatertib :

Pihak berkuasa tatatertib, hendaklah membuat atau menyebabkan supaya dibuat nota-nota bertulis mengenai semua prosiding tatatertib di hadapannya tetapi nota-nota itu tidak perlu dibuat kata demi kata.

4.10 Jagaan Nota :

Nota-nota mengenai prosiding tatatertib hendaklah disimpan dalam jagaan Jawatankuasa Disiplin Pelajar Kolej.

4.11 Daftar Prosiding Tatatertib :

Jawatankuasa Disiplin Pelajar Kolej hendaklah menyenggara suatu daftar bagi semua prosiding tatatertib yang dijalankan di bawah kaedah-kaedah ini, daftar itu hendaklah merekodkan nama pelajar, butir-butir kesalahan tatatertib, kemajuan perjalanan prosiding, keputusan prosiding, dan maklumat-maklumat atau butir-butir lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Eksekutif.

4.11 Laporan Prosiding Kepada Ibu Bapa Atau Penjaga, dsb :

Jika seseorang pelajar telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib, Jawatankuasa Disiplin Pelajar Kolej hendaklah menghantar suatu laporan yang telah diluluskan Ketua Eksekutif berkenaan dengan prosiding tatatertib kepada orang-orang yang berikut:

- 1- Ibu bapa atau penjaga pelajar;
- 2- Dalam hal pelajar pemegang biasiswa, kepada pihak berkuasa atau badan penaja biasiswa atau pemberi biasiswa itu;

JENIS-JENIS KESALAHAN DAN DENDA

Jenis-Jenis Kesalahan Dan Denda Di Kolej :

Pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan berat akan dihadapkan dan dibicarakan oleh Jawatankuasa Disiplin Pelajar Kolej, manakala kesalahan ringan akan dikenakan hukuman dan / atau denda oleh Ketua Eksekutif, atau Pengarah Kolej atau Dekan Fakulti, atau Pengurus Program atau Ketua Unit, Pusat, Akademi, atau Institut atau Jabatan Pendaftar atau 'pihak berkuasa' yang dilantik oleh Kolej mengikut budi bicara. Sila rujuk Jadual 1 dan Jadual 2 yang dinyatakan bagi kandungan lengkap jenis-jenis kesalahan dan denda yang ditetapkan oleh pihak kolej ke atas pelajar yang didapati bersalah.

JADUAL 1: Jadual kesalahan berat dan denda serta tindakan :

NO	KESALAHAN BERAT	DENDA
1	Memiliki, mengedar, makan atau minum dengan apa cara jua cara lain sebarang dadah atau racun atau sejenis dengannya.	Amaran; Barang dirampas; Denda tidak lebih daripada RM100.00; Boleh diberhentikan dari pengajian
2	Memiliki sesuatu senjata api dan merbahaya di dalam kawasan kolej.	Barang dirampas; Denda tidak lebih daripada RM100.00; Boleh diberhentikan dari pengajian

NO	KESALAHAN BERAT	DENDA
3	Menjalankan atau menguruskan apa-apa judi, pertaruhan atau loteri dalam kawasan kolej.	Denda tidak lebih daripada RM100.00; Boleh diberhentikan dari pengajian
4	Mencuri atau menipu termasuk cuba mencuri atau menipu dengan harta benda, barang atau hak milik kolej, anggota kolej, petugas di kolej, pelawat, tetamu kolej termasuk penyewa asrama	Denda tidak lebih daripada RM100.00; Boleh dikenakan tindakan digantung pengajian; Boleh diberhentikan dari pengajian
5	Melakukan perbuatan sumbang, khalwat atau lain-lain aktiviti yang tidak bermoral.	Amaran; Denda tidak lebih daripada RM100.00; Boleh dikenakan tindakan digantung pengajian; Boleh diberhentikan dari pengajian.
6	Memiliki, menonton atau mendengar apa-apa bahan lucah di dalam kawasan kolej.	Amaran; Boleh dikenakan tindakan digantung pengajian.
7	Melanggar peraturan peperiksaan.	Amaran Denda tidak lebih daripada RM200.00 Boleh dikenakan tindakan digantung pengajian

JADUAL 2: Jadual Kesalahan Ringan Dan Denda Serta Tindakan :

NO	KESALAHAN RINGAN	DENDA
1	Memiliki atau mempunyai apa-apa kenderaan bermotor di dalam kawasan kolej tanpa kebenaran atau tidak mempamerkan pelekat kenderaan sah kolej.	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
2	Menahan atau menghalang mana-mana pelajar daripada menghadiri sesuatu kuliah, tutorial, makmal atau sebarang aktiviti anjuran kolej.	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
3	Mengendali atau mengganggu sebarang pengajaran, pengajian, penyelidikan, kerja pentadbiran atau apa-apa aktiviti yang dijalan kolej	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
4	Menahan, menghalang atau mengganggu pegawai atau anggota kolej daripada menjalankan tugas-tugasnya.	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
5	Merusuh atau berkelakuan liar atau bergaduh di dalam kawasan	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00

NO	KESALAHAN RINGAN	DENDA
6	Tidak hadir ke kuliah, makmal atau aktiviti tanpa kebenaran atas sebarang sebab yang munasabah	Amaran Tidak dibenarkan mengambil peperiksaan
7	Merosakan harta benda kolej	Ganti rugi 2 kali Amaran keras Denda tidak melebihi RM 200.00
8	Merokok di kawasan larangan.	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
9	Tidak mematuhi atau melanggar kod pakaian yang ditetapkan oleh kolej	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
10	Melanggar atau tidak mematuhi arahan atau peraturan perpustakaan kolej	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
11	Menerbitkan atau mengedar apa-apa dokumen atau pen-erbitan di dalam atau di luar kawasan kolej	Amaran Denda tidak melebihi RM50.00
12	Melibatkan diri di dalam pekerjaan, pengajian, perniagaan atau aktiviti lain yang tidak bermoral samada sepenuh masa atau separuh masa	Amaran Denda tidak melebihi RM50.00 Digantung pengajian

NO	KESALAHAN RINGAN	DENDA
13	Membuat apa-apa bunyi atau bising yang boleh mengganggu mana-mana orang di kawasan kolej.	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
14	Tidak memakai kad matrik	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
15	Mengadakan perhimpunan tanpa kebenaran bertulis Ketua Pegawai Eksekutif Kolej atau wakilnya.	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
16	Memiliki atau menggunakan alat pembesar suara atau lain-lain tanpa kebenaran bertulis Ketua Pegawai Eksekutif Kolej atau wakilnya.	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
17	Tidak mematuhi undang-undang lalulintas atau mengganggu perjalanan lalulintas atau meletak kenderaan ditempat yang dilarang.	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
18	Membuang sampah di merata-rata tempat	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
19	Memasuki bahagian kolej atau mana-mana bahagian tanpa kebenaran.	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00

NO	KESALAHAN RINGAN	DENDA
20	Penghuni berada di dalam bilik penghuni lain selepas 12:00 tengah malam	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
21	Penghuni yang membenarkan penghuni lain sejantina berada di dalam biliknya selepas 12:00 tengah malam.	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
22	Pelajar berada di dalam bilik penghuni di luar waktu lawatan.	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
23	Penghuni membenarkan pelajar berada di dalam biliknya di luar waktu lawatan	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
24	Pelajar berada di dalam blok penghuni yang berlainan jantina	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
25	Penghuni mengizinkan pelajar yang berlainan jantina berada di dalam biliknya.	Amaran Denda tidak melebihi RM50.00
26	Penghuni menghalang/ menahan pegawai, pekerja atau agen kolej daripada memasuki biliknya kerana menjalankan tugas,	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
27	Penghuni balik ke kolej/asrama selepas 12:00 tengah malam tanpa alasan yang memuaskan.	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00

NO	KESALAHAN RINGAN	DENDA
28	Penghuni berada diluar asramanya selepas 12:00 tengah malam tanpa kebenaran Pengetua	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
29	Membawa makanan dan minuman tidak halal ke dalam kolej.	Amaran Denda tidak melebihi RM50.00
30	Memiliki, mempamerkan, mengedarkan bahan lucah.	Amaran Denda tidak melebihi RM50.00
31	Mendera (ragging)	Amaran Denda tidak melebihi RM50.00
32	Pelajar lelaki berambut panjang, mewarnakan rambut/ fesyen rambut tidak senonoh.	Amaran Denda tidak melebihi RM50.00
33	Pelajar perempuan mewarnakan rambut/fesyen rambut yang tidak senonoh.	Amaran Denda tidak melebihi RM50.00
34	Pelajar berkelakuan tidak sopan dikolej.	Amaran Denda tidak melebihi RM50.00
35	Menggunakan bahasa kesat/ kasar/lucah.	Amaran Denda tidak melebihi RM50.00

NO	KESALAHAN RINGAN	DENDA
36	Memiliki atau mengedar atau membakar mercun/bunga api atau membakar sampah sarap	Amaran Denda tidak melebihi RM50.00
37	Ingkar perintah, suruhan atau arahan daripada pihak pentadbiran kolej.	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
38	Membawa masuk makanan dan minuman ke dalam perpustakaan.	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00
39	Berkelakuan tidak sopan sehingga mengganggu pengguna perpustakaan yang lain.	Amaran Denda tidak melebihi RM50.00
40	Merosakkan peralatan dan kelengkapan perabot di perpustakaan.	Amaran Denda tidak melebihi RM50.00
41	Ingkar perintah, suruhan atau arahan daripada pihak/ kakitangan perpustakaan	Amaran Denda tidak melebihi RM20.00

Catatan :

Jabatan Pendaftar/ Hal Ehwal Pelajar berhak meminta apa-apa yang terkandung di dalam JADUAL 1 dan JADUAL 2 di atas.